



**PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD ("PUNB")  
No Pendaftaran Syarikat 199101010745 (221057-V)**

PUNB ingin mempelawa mana-mana kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi mengambil bahagian dalam proses tender seperti yang dinyatakan di bawah:

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

NO. DAN TAJUK TENDER	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI)	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER
<p><b>No. Tender: PUNB/RFP/2026/004</b></p> <p><b>KERJA-KERJA "REKA DAN BINA" PENGUBAHSUAIAN PEJABAT PUNB WILAYAH TIMUR YANG BERALAMAT DI LOT PT30860, TAMAN YAYASAN TERENGGANU, JALAN LAPANGAN TERBANG, GONG BADAK, 21200 KUALA NERUS, TERENGGANU</b></p> <p>Ringkasan Skop Kerja: 1) Menyediakan cadangan pelan dan rekabina dalaman serta butiran kos terperinci. 2) Menaiktaraf fasad (bahagian hadapan bangunan). 3) Membuat kerja-kerja ubahsuai dalaman termasuk sivil, mekanikal dan elektrik. 4) Membekalkan perabot-perabot dalaman dan barangan elektrik.</p>	<p>Terbuka kepada Pembida yang layak seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pembida hendaklah merupakan sebuah entiti perniagaan, atau syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</li> <li>2) Pembida merupakan syarikat berdaftar sebagai kontraktor <b>minimum gred G4</b> atau ke atas dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ("CIDB") dibawah kategori dan pengkhususan seperti berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bangunan ("B") dengan pengkhususan sekurang-kurangnya sub-kod <b>B04, B07, B08, B12 &amp; B28.</b></li> <li>b) Kejuruteraan Sivil ("CE") dengan pengkhususan sekurang-kurangnya sub-kod <b>CE21.</b></li> <li>c) Kejuruteraan Mekanikal &amp; Elektrik ("ME") dengan pengkhususan sekurang-kurangnya sub-kod <b>ME15.</b></li> </ol> </li> <li>3) Pembida hendaklah membuktikan pengalaman dalam melaksanakan projek "reka dan bina" dan mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) pengalaman kerja setara dengan projek "reka dan bina" <b>bernilai minimum RM1 juta</b> dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.</li> <li>4) Pembida hendaklah memegang tanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan projek, pematuhan dan semua obligasi kontrak dengan PUNB.</li> <li>5) Pembida mesti mematuhi keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) dan kod bangunan Malaysia.</li> </ol> <p><b>Nota:</b> Pembida yang berminat dikehendaki mendaftar sebagai kontraktor PUNB di pautan berikut: <a href="https://adam.supplycart.my/vendor-registration/submit/punb_vendor">https://adam.supplycart.my/vendor-registration/submit/punb_vendor</a></p>	<p align="center"><b>1 April 2026 (Rabu) Waktu: 10.00 pagi</b></p> <p>Lokasi: Lot PT30860, Taman Yayasan Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21200 Kuala Nerus, Terengganu</p> <p><b>Nota:</b> Bagi mereka yang berminat untuk menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil melalui e-mel seperti yang dinyatakan di Notis Penting (perkara 7) di bawah.</p>	<p align="center">RM100.00 (Wang tidak akan dikembalikan)</p>	<p>Melalui e-mel: <b>4 May 2026 (Isnin)</b> sebelum 12.30 tengah hari waktu Malaysia (GMT +8:00)</p>

**TARIKH DAN MASA JUALAN DOKUMEN TENDER**

Mulai 1 April 2026 sehingga 13 April 2026, Isnin hingga Jumaat (Kecuali Cuti Umum)

9.00 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Pejabat Sahaja)  
Waktu rehat 1.00ptg – 2.00ptg (Jumaat shj 2.45ptg)

**NOTIS PENTING**

1. Dokumen tender akan dijual kepada Pembida yang memenuhi syarat berikut:
  - (a) menandatangani Surat Aku Janji Kerahsiaan yang disediakan oleh PUNB;
  - (b) menandatangani Borang Konflik Kepentingan (COI) yang disediakan oleh PUNB;
  - (c) menandatangani Surat Wakil Kuasa yang disediakan oleh PUNB; dan
  - (d) memberikan bukti pembayaran pembelian dokumen tender.
2. Pembida dikehendaki menghantar emel ke [procurement@punb.com.my](mailto:procurement@punb.com.my) untuk membeli dokumen tender dan mendapatkan surat/borang yang diperlukan seperti no (i)(a), (i)(b) dan (i)(c) di atas untuk dilengkapkan.
3. Pembayaran untuk dokumen tender mesti dibuat melalui pembayaran dalam talian kepada PUNB menggunakan nombor akaun berikut: **5505-1105-0090 (Maybank Islamic)** berserta No. Tender sebagai rujukan. Pembayaran tunai dan cek tidak dibenarkan. Bayaran untuk dokumen tender ini tidak akan dikembalikan.
4. Bukti pembayaran, Surat Aku Janji Kerahsiaan, Borang Konflik Kepentingan, dan Surat Wakil Kuasa yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke [procurement@punb.com.my](mailto:procurement@punb.com.my). Dokumen tender hanya akan diberikan kepada seorang sahaja wakil Pembida seperti tertera pada Surat Wakil Kuasa. PUNB mempunyai hak untuk tidak memproses permohonan yang tidak lengkap.
5. Kontraktor yang ingin menyertai tender di atas adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak.
6. Bagi Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak, semua Pembida yang berminat hendaklah memenuhi keperluan seperti berikut:  
Terhad kepada **tiga (3)** wakil sahaja iaitu, Pengurus Projek, Pengurus Teknikal/Jurutera dan Pengarah Urusan/Pengarah Projek yang **WAJIB** hadir dalam kedua-dua sesi. Wakil mesti berpengetahuan mengenai Teknikal, Tender & Kontrak bagi kerja yang dimaksudkan serta diberi hak kuasa mewakili oleh pihak syarikat.
7. Mengemukakan butiran wakil seperti berikut melalui e-mel ke [procurement@punb.com.my](mailto:procurement@punb.com.my) seawatnya tiga (3) hari sebelum sesi taklimat dan lawatan tapak:
  - a. Nama Syarikat
  - b. Nama Pegawai
  - c. Jawatan
  - d. Nombor telefon
  - e. Alamat e-mel
8. Dokumen tender hanya akan dijual dan dikongsi kepada Pembida yang menghadiri Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak (MANDATORI).
9. PUNB **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan untuk mendapatkan Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas tarikh tutup jualan dokumen tender seperti yang tertera.
10. Sebarang kos yang dibelanjakan semasa proses pengambilan dan penghantaran dokumen tender, dan kos menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak mesti ditanggung oleh Pembida. Sebarang tuntutan tidak akan dilayan.
11. Tarikh tutup pertanyaan/penjelasan lebih lanjut berkenaan projek tender adalah pada 13 April 2026 sebelum jam 5.00ptg. PUNB tidak akan melayan sebarang pertanyaan selepas tarikh dan masa tersebut.
12. Sebarang pertanyaan mengenai tender di atas boleh diajukan kepada Unit Perolehan (03-2785 1515) atau di alamat e-mel [procurement@punb.com.my](mailto:procurement@punb.com.my).